

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI]

TARIKH : 4 NOVEMBER 2015

RUJUKAN : 8245

SOALAN:

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan Kerajaan tidak menghalang Himpunan Maruah Melayu yang telah berlangsung pada 16 September 2015 di Kuala Lumpur. Jika ia menjadi satu kesalahan di sisi undang-undang adakah pihak polis telah mengambil tindakan terhadap penganjur dan berapa tangkapan telah dibuat dan jika ada bila mereka ini didakwa di mahkamah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kerajaan tidak pernah menghalang sebarang perhimpunan yang diadakan oleh mana-mana pihak selagi perhimpunan tersebut memenuhi kehendak yang termaktub dalam Akta Perhimpunan Aman 2012 (APA) dan perhimpunan tersebut tidak menjejaskan keselamatan persekutuan, mana-mana bahagiannya atau kententeraman awam.

Pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) tidak menghalang perhimpunan Himpunan Rakyat Bersatu pada 16 September 2015 diadakan memandangkan perhimpunan berkenaan telah memenuhi kehendak Akta Perhimpunan Aman 2012. Bagi Perhimpunan Himpunan Rakyat Bersatu, pihak polis menerima sebanyak 26 laporan polis dan 15 kertas siasatan (*Investigation Paper* - IP) telah dibuka bersabit kesalahan di bawah pelbagai akta sehingga 17 September 2015.

PDRM sedang menjalankan siasatan dengan teliti dan rapi bagi mengenalpasti dan mendakwa pihak-pihak yang melanggar undang-undang semasa perhimpunan berlangsung selaras dengan peruntukan Akta Perhimpunan Aman 2012 dan lain-lain peruntukan undang-undang sedia ada. Pihak PDRM sedang menyiapkan kertas-kertas siasatan berkaitan dan dikemukakan kepada pihak Timbalan Pendakwa Raya (TPR) untuk arahan lanjut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' MANSOR BIN OTHMAN
(NIBONG TEBAL)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 04.11.2015

Y.B. DATO' MANSOR BIN OTHMAN [NIBONG TEBAL] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kutipan Cukai Barangan dan Perkhidmatan, GST, mengikut negeri semenjak sistem cukai ini dilaksanakan dan memperincikan agihan hasil tersebut yang dikatakan boleh memberi manfaat kepada rakyat.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan menjangkakan hasil GST pada tahun 2015 sebanyak 27 bilion ringgit. Memandangkan hasil GST adalah dilevi di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan dan dikuatkuasakan di seluruh Malaysia, ia merupakan cukai persekutuan,

maka kutipan cukai berdasarkan negeri atau di mana sesuatu perniagaan membuat bayaran tidak semestinya menggambarkan bahawa hasil tersebut berkaitan dengan aktiviti ekonomi di negeri tersebut semata-mata. Di samping itu, GST import juga lebih tertumpu kepada negeri-negeri yang mempunyai pelabuhan utama. Sehubungan itu, adalah menjadi amalan Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Kementerian Kewangan untuk tidak memperincikan kutipan hasil GST berdasarkan negeri.

GST merupakan hasil Kerajaan Persekutuan yang akan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan bersama hasil-hasil Kerajaan yang lain dan seterusnya akan diagihkan kepada semua Kementerian, Jabatan dan agensi bagi melaksanakan pelbagai projek pembangunan di seluruh negara untuk manfaat semua lapisan rakyat. Pengagihan ini dilakukan menerusi Bajet Tahunan yang dibuat pada setiap tahun. Antara projek yang dilaksanakan ialah meningkatkan lagi tahap perkhidmatan keselamatan, pendidikan dan kesihatan serta pemberian tunai (BR1M) kepada golongan sasaran supaya segenap lapisan rakyat mendapat manfaat yang sewajarnya.